

Akauntan kelas pertama UiTM

UM

Oleh MOHAMAD FIKRI ROSLY

KUALA LUMPUR 4 Mei - Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah lama menghasilkan akauntan negara sejak mula ditubuhkan dengan nama Institut Teknologi Mara lima puluh tahun dahulu.

Sehingga kini, lebih 40,000 pelajar Bumiputera telah dan sedang menjalani kursus perakaunan di UiTM seluruh negara baik dalam program diploma, ijazah sarjana muda dan pasca siswazah.

UiTM berhasrat melahirkan lebih ramai akauntan kelas pertama seiring dengan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dalam membangunkan modal insan yang berkualiti.

Sempena sambutan ulang tahun Jubli Emas UiTM, pihak Fakulti Perakaunan lebih komited dalam meningkatkan bilangan akauntan Bumiputera yang berkualiti sekali gus memberi impak kepada profesion perakaunan di Malaysia.

"Pihak fakulti juga ingin melahirkan 'akauntan kelas pertama' selari dengan teras kedua Misi Nasional dalam RMK-9 iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan, inovasi serta memupuk 'minda kelas pertama'.

"Akauntan seperti inilah yang diharapkan menjadi barisan hadapan satu-satu organisasi dengan kedudukan seperti Ketua Pegawai

Kewangan (CFO) atau Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) berbanding keadaan sekarang di mana ramai akauntan Bumiputera berada di bahagian tengah pengurusan (middle management)," kata Dekan Fakulti Perakaunan, Prof. Dr. Ibrahim Kamal Abdul Rahman.

Pada masa yang sama, persepsi masyarakat perlu diubah kerana kerjaya perakaunan merupakan penggerak kepada produktiviti negara.

Bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang mempunyai minat dalam bidang perakaunan, mereka boleh memulakannya dengan mengambil kursus Certified Accounting Technician (CAT), Diploma In Accounting Information System (DAIS) atau Diploma In Accountancy (DIA).

Untuk lepasan diploma ijazah sarjana muda, mereka boleh melanjutkan pelajaran dengan mengambil kursus Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Keputusan) atau program di bawah The Association of Chartered



IBRAHIM KAMAL ABDUL RAHMAN

Certified Accountants (ACCA), The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), Certified Practising Accountants (CPA) Australia atau Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA).

UiTM turut menawarkan program pasca siswazah seperti Master dalam Perakaunan, Pentadbiran Korporat, Perakaunan Forensik dan Jenayah Kewangan serta PhD dalam Perakaunan.

Satu lagi pilihan kursus bagi pelajar yang cemerlang dalam SPM mereka ialah program premier UiTM iaitu Ijazah Trek Pantas Perakaunan yang merangkumi pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam satu kursus.

Ini merupakan salah satu pakej yang disediakan oleh pihak UiTM untuk melahirkan lebih ramai akauntan yang profesional, berdaya saing, beretika dan berkebolehan di peringkat global.

Kandungan silibus program-program yang ditawarkan adalah mengikut kehendak silibus Halatuzi Kementerian Pengajian Tinggi serta sentiasa diselarakan dengan silibus badan-badan profesional seperti ACCA, CIMA, MICPA dan CPA Australia yang dikenali sebagai 'the Big Four'.

Kandungan silibus juga dinilai dari masa ke semasa dengan merujuk kepada Piawaian Pendidikan Antarabangsa terbitan International Federations of Accountants (IFAC) bagi memastikan para graduan mempunyai kebolehan teknikal dan profesional yang mantap, cekap dan relevan kepada kehendak industri serta dunia perniagaan.

Pemintaan graduan dari firma perakaunan 'the Big Four' serta laporan majikan yang terlibat dalam latihan praktikal memberikan maklum dalam positif mengenai kualiti graduan yang lahir daripada 'perut' Fakulti Perakaunan UiTM.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

50 Tahun UiTM
1956 - 2006
Kecemerlangan Berterusan

FAKULTI PERAKAUNAN

Fakulti Perakaunan berkomited untuk melahirkan Akauntan Bumiputera dan memberi impak kepada profesion Perakaunan khususnya di Malaysia. Ini adalah sejajar dengan peranan UiTM sebagai pengimbang kepada status sosioekonomi negara dengan melahirkan para graduan profesional yang berupaya menyumbang pada pembangunan ekonomi negara.

Ciri-ciri graduan yang diaspirasikan di dalam program-program yang ditawarkan berpandukan kepada Model Graduan UiTM merangkumi ciri-ciri seperti • *marketable* • *berdaya saing* • *berkebolehan di peringkat global* • *pemimpin masa hadapan* • *memegang kepada nilai-nilai kecemerlangan* • *partisipatif dan proaktif* • *mempunyai semangat berpasukan yang kuat* • *berkebolehan berkomunikasi*

PROGRAM-PROGRAM YANG DITAWARKAN

Untuk Lepasn SPM:

- Diploma Perakaunan
- Diploma Sistem Maklumat Perakaunan
- Certified Accounting Technician (CAT)


Untuk Lepasn Diploma Dan Ijazah Sarjana Muda:

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Keputusan)
- ACCA
- CIMA
- CPA Australia
- MICPA
- MIT

Program Pasca Siswazah:

- Master of Accountancy
- Master in Corporate Governance
- Master in Forensic Accounting & Financial Criminology
- PhD (Accountancy)

FAKULTI PERAKAUNAN



Untuk
maklumat lanjut,
sila hubungi.

Profesor Madya Mahfudzah Mohamed
Ketua Jabatan
Program Profesional
Tingkat 14, Menara SAAS - UiTM Shah Alam, 40450 Selangor
Tel: 03-5544 4801 (Ketua Jabatan)
03-5544 4823 (Pegawai Eksekutif)
03-5544 4802 (Pegawai Am)